

Penyata Pengerusi

DARIPADA EMAS KEPADA TUNAS

KETAHANAN, KEPERCAYAAN DAN KOMITMEN YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI TERHADAP KECEMERLANGAN TELAH MENJADI IDENTITI POH KONG SEPANJANG 49 TAHUN LALU; DARIPADA SEBUAH KEDAI DI PETALING JAYA KEPADA RANGKAIAN RUNCIT BARANG KEMAS TERBESAR DI MALAYSIA. KISAH KAMI BERMULA DENGAN EMAS; YANG MENJADI NADI KEWUJUDAN KAMI.

Namun, kami sedar bahawa kisah kami bukan hanya tentang emas, tetapi ia juga tentang pertumbuhan — pertumbuhan perniagaan kami, warga kerja kami dan nilai yang kami cipta untuk pihak berkepentingan kami. Tema kami untuk tahun 2025, “Daripada Emas kepada Tunas” mencerminkan kesinambungan dan kemajuan. Ia merakam warisan kami dan pada masa yang sama mencorak masa depan yang sedang kami bentuk: masa depan di mana Poh Kong memanfaatkan asas kukuhnya untuk meneroka peluang baharu, berinovasi dalam produk dan perkhidmatan, dan memberi pulangan mampan jangka panjang kepada para pemegang saham.

PANDANGAN DUNIA TENTANG EMAS

Tahun kewangan ini menyaksikan pasaran emas global yang dinamik. Pada separuh pertama 2025, harga emas melonjak kira-kira 26% dalam dolar AS, mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu aset berprestasi terbaik tahun ini. Permintaan suku kedua meningkat 3% berbanding tahun sebelumnya kepada 1,249 tan, dengan nilai melonjak 45% kepada rekod AS\$132 bilion. Lonjakan ini didorong oleh permintaan pelaburan runcit yang kukuh dalam bentuk jongkong dan syiling, prestasi kukuh dana dagangan bursa (ETF) serta pembelian konsisten oleh bank pusat.

Ketidaktentuan geopolitik yang meningkat, tekanan inflasi yang berterusan dan langkah penggantian mata wang asing (de-dollarisation) global telah memperkukuh daya tarikan emas sebagai aset selamat. Bank pusat terus mempelbagaikan pegangan kepada emas sebagai lindung nilai terhadap risiko mata wang, manakala pelabur mencari perlindungan daripada turun naik pasaran ekuiti dan bon.

Melihat ke hadapan, penganalisis pasaran kekal positif. HSBC menyemak semula ramalan harga emas 2025 kepada AS\$3,215 setiap auns, manakala Goldman Sachs mengunjurkan potensi kenaikan hingga AS\$3,700. Persekitaran ini menyokong saranan teras kami: bahawa emas bukan sekadar perhiasan, tetapi simpanan nilai yang berkekalan merentas generasi. (Sumber: J.P. Morgan, Rud Pedersen Public Affairs, Allianz Global Investors dan The Economic Times)

Bagi Poh Kong, konteks global ini membentang peluang yang luas. Pelanggan kami kini semakin melihat emas bukan semata-mata sebagai perhiasan, tetapi juga pelaburan. Dualiti ini — kecantikan dan nilai — telah lama menjadi kekuatan kami, dan kami terus menyelaraskan perniagaan agar ia merangkumi kedua-dua aspek ini.

Penyata Pengerusi (cont'd)

PENDEKATAN CEKAP, PERSONALITI POSITIF

Sepanjang tahun ini, Poh Kong telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang menunjukkan keupayaan kami untuk menyesuaikan diri dan berkembang. Walaupun pengguna lebih berhati-hati, kepelbagaian kami ke arah produk yang berorientasikan pelaburan telah membantu mengimbangi perbelanjaan tidak wajib terhadap barang kemas mewah. Ketangkasan ini mencerminkan keupayaan kami menyesuaikan diri dengan perubahan tingkah laku pasaran tanpa menjejaskan keuntungan.

Memperluas Capaian Runcit

Kami membuka satu butik baharu di lokasi berpotensi tinggi, sekali gus meluaskan jangkauan kami kepada komuniti di mana permintaan untuk barang kemas pelaburan mampu milik semakin bertambah. Cawangan baharu ini meningkatkan kebolehcapaian dan memperkukuh kehadiran kami di seluruh negara. Ia turut memberi lonjakan kepada keterlihatan jenama kami untuk jangka panjang.

Menggabungkan Tradisi dan Inovasi

Menyedari peralihan ke arah pembelian yang didorong oleh pelaburan, kami melancarkan rangkaian jongkong dan syiling koleksi baharu yang direka untuk pelabur runcit yang lebih bijak. Pada masa yang sama, kami terus memperluas koleksi barang kemas kontemporari kami yang menyasarkan pengguna yang lebih muda bagi memastikan Poh Kong kekal relevan merentas semua demografi. Pendekatan serampang dua mata ini — mengimbangi tradisi dengan kemodenan — telah membolehkan kami meluaskan bahagian pasaran.

Transformasi Digital

Platform e-dagang kami yang diperkukuh telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan, dengan jualan dalam talian meningkat 0.5% tahun ke tahun. Ciri-ciri baharu yang dipertingkatkan membantu menghubungkan kemudahan digital dengan jaminan keyakinan daripada pengalaman di kedai fizikal.

Mempertingkatkan Pengalaman Pelanggan

Walaupun tidak ketara pada pandangan pertama, kami terus menambah baik reka bentuk kedai fizikal kami. Cawangan dengan konsep baharu kami memperkenalkan susun atur yang lebih terbuka, paparan berorientasikan gaya hidup dan pengalaman yang didayakan teknologi. Inovasi ini mencerminkan

kepercayaan kami bahawa peruncitan barang kemas bukan sekadar urusan jual beli, tetapi juga pengalaman — dan bahawa hubungan pelanggan yang berkekalan dibina melalui keterlibatan yang bermakna.

Pengawasan Alam Sekitar dan Kemampanan

Di Poh Kong, kami percaya bahawa pertumbuhan mestilah secara bertanggungjawab dan inklusif. Kejayaan kami bukan sahaja bergantung pada prestasi kewangan tetapi juga kepada kepercayaan pihak berkepentingan. Kami terus memberi tumpuan kepada kebajikan warga kerja serta keadaan komuniti dan alam sekitar di mana kami beroperasi.

Inisiatif kemampanan Poh Kong tertumpu kepada lima bidang utama:



Tadbir Urus:

Memastikan amalan tadbir urus korporat yang kukuh.




Rantaian Bekalan:

Menggalakkan amalan bertanggungjawab dan mampan dalam rantaian bekalan.



Warga Kerja:

Menjaga kebajikan pekerja dan pembangunan mereka.



Alam Sekitar:

Mengurangkan impak alam sekitar dan menggalakkan amalan yang bertanggungjawab.



Kualiti & Perkhidmatan:

Menyediakan produk dan perkhidmatan inovatif dan berkualiti tinggi yang memenuhi jangkaan pelanggan.

Lima teras inilah yang menjadi tonggak kepada usaha kemampanan Poh Kong.

Penyata Pengerusi (cont'd)

Kami telah memperkukuhkan usaha wajar kami dalam proses perolehan, memastikan bahawa emas kami mematuhi piawaian perlombongan bertanggungjawab antarabangsa. Ini mengukuhkan komitmen kami terhadap rantaian bekalan yang beretika dan menyokong reputasi Malaysia sebagai pasaran yang dibina atas kepercayaan.

Kemampuan juga bermaksud mengurus kesan alam sekitar kami. Pada tahun 2025, kami melabur dalam sistem pencahayaan dan penyejukan yang cekap tenaga di cawangan-cawangan utama, mencapai pengurangan penggunaan elektrik sekitar 6%.

Penglibatan pekerja dalam usaha kemampuan memastikan penambahbaikan yang berterusan dan kesesuaian. Poh Kong menggalakkan para pekerja dan pengarahnya menyertai seminar, bengkel dan ceramah berkaitan kemampuan dan ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus). Ini memastikan pengurusan dan warga kerja kami membangunkan pemikiran yang betul untuk meletakkan ESG sebagai teras operasi perniagaan. Saya percaya ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kemampuan dalam organisasi, membantu membentuk rancangan perniagaan dan strategi pengurusan risiko masa hadapan. Pada tahun 2025, kami meneruskan komitmen terhadap kemampuan dengan menyediakan latihan serta menggalakkan penglibatan dalam hal-hal ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) dalam kalangan pekerja dan kepimpinannya.

Sokongan Komuniti dan Amal

Poh Kong sentiasa mengambil serius peranannya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab. Kami menyokong komuniti melalui penajaan dan sumbangan kewangan kepada pelbagai organisasi amal, persatuan penjagaan kesihatan, persatuan dan sekolah.

Program Libat Urus Komuniti diteruskan sepanjang tahun 2025. Penglibatan kami dengan komuniti tempatan adalah melalui inisiatif pendidikan dan pembangunan kemahiran.

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami turut memberi tumpuan kepada kesedaran kesihatan dan kesejahteraan komuniti. Kami membuat libat urus dengan pelanggan melalui beberapa kempen pemasaran.

Warga Kerja Kami

Pekerja kami kekal sebagai teras kepada kisah pertumbuhan kami. Pada tahun 2025, kami memperluaskan peluang pembangunan profesional, melaksanakan program latihan kepimpinan baharu dan meningkatkan program kesejahteraan pekerja. Kami juga mempergiatkan usaha untuk memupuk tempat kerja yang pelbagai dan inklusif, mencerminkan kepercayaan kami bahawa pasukan yang kuat dan berdaya adalah asas kepada kejayaan jangka panjang.

Pengurusan Risiko dan Tinjauan

Kami sentiasa berwaspada terhadap risiko yang boleh memberi kesan kepada perniagaan. Ketidaktentuan ekonomi global, volatiliti mata wang

dan turun naik harga emas memerlukan pengurusan yang teliti. Bagi mengurangkan risiko ini, Poh Kong mengekalkan amalan lindung nilai yang berhemat, kawalan kos yang berdisiplin dan strategi inventori yang fleksibel.

Pada masa yang sama, terdapat banyak peluang. Peningkatan kemewahan di kalangan generasi muda Malaysia, berserta dengan penghargaan yang semakin meningkat terhadap emas sebagai perhiasan dan pelaburan, meletakkan kami pada kedudukan yang baik. Transformasi digital dalam peruncitan juga membuka ruang baharu untuk mendekati pelanggan, manakala warisan jenama kami memberi kelebihan kompetitif yang sukar ditiru.

PROGRAM LIBAT URUS KOMUNITI DITERUSKAN SEPANJANG TAHUN 2025. PENGLIBATAN KAMI DENGAN KOMUNITI TEMPATAN ADALAH MELALUI INISIATIF PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN.

Penyata Pengerusi (cont'd)

PRESTASI KEWANGAN

PKHB sebagai sebuah syarikat terus menunjukkan prestasi kewangan yang kukuh meskipun dalam persekitaran pengguna yang mencabar. Walau bagaimanapun, keupayaan Poh Kong untuk mengekalkan keuntungan yang kukuh menghadapi cabaran daripada peningkatan kos operasi dan perbelanjaan cukai pendapatan. Namun ingin saya nyatakan bahawa kami yakin dapat menghadapi cabaran masa hadapan dan telah melaksanakan langkah pemantauan prestasi secara berkala.

Laporan kewangan suku tahunan kami bagi tahun kewangan 2025 (TK2025) yang berakhir pada 31 Julai 2025 menunjukkan peningkatan hasil, tetapi prestasi keuntungan bersih adalah bercampur. Hasil yang lebih tinggi didorong oleh arah aliran menaik dalam harga emas, manakala kos operasi dan cukai pendapatan memberi impak kepada keuntungan bersih. Kumpulan mencatat hasil sebanyak RM1.69 bilion, disokong oleh permintaan yang berterusan untuk produk pelaburan emas dan jualan barang kemas yang stabil. Keuntungan sebelum cukai kami berjumlah RM163.87

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 JULAI 2025 (12MFY2025), KEUNTUNGAN BERSIH POH KONG MENINGKAT 3.57% KEPADA RM121.10 JUTA DARIPADA RM116.92 JUTA SETAHUN SEBELUMNYA.

juta, mencerminkan harga emas yang menggalakkan dan pengurusan kos yang berdisiplin. Bagi Kekuatan Kunci Kira-kira kami, sukacita saya umumkan bahawa kami telah mengekalkan kedudukan kewangan yang teguh, dengan kecairan yang kukuh dan pengurusan inventori yang berhemat. Daya tahan ini memberikan kami fleksibiliti untuk melabur dalam inisiatif pertumbuhan sambil menangani dan mengemudi ketidakpastian.

Keuntungan bersih kami untuk suku keempat yang berakhir pada 31 Julai 2025 (4QFY2025) hampir tidak berubah pada RM22.68 juta berbanding RM22.03 juta setahun yang lalu, walaupun hasil mencecah paras tertinggi sebanyak RM365.50 juta berikutan lonjakan harga emas.

Prestasi ini dipengaruhi oleh perbelanjaan operasi yang lebih tinggi semasa suku tahun kajian. Hasil suku keempat meningkat 6.72% berbanding RM342.50 juta setahun lalu.

Bagi suku terakhir, perbelanjaan operasi meningkat 18% kepada RM55.02 juta. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2025 (12MFY2025), keuntungan bersih Poh Kong meningkat 3.57% kepada RM121.10 juta daripada RM116.92 juta setahun sebelumnya.

Permintaan emas biasanya melonjak semasa gangguan ekonomi yang disebabkan oleh tarif, apabila pelabur mencari perlindungan daripada inflasi dan turun naik pasaran, sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan emas sebagai aset selamat.



Penyata Pengerusi (cont'd)



PANDANGAN JANGKA PANJANG TERHADAP PROSPEK PKHB

Harga emas mencecah kira-kira AS\$4,024.54 setiap auns pada akhir Oktober 2025. (Bloomberg). Kadar ini tertakluk kepada turun naik dan oleh itu Poh Kong sentiasa peka terhadap arah aliran dan harga global.

Melangkah ke hadapan, tumpuan kami adalah kepada tiga aspek utama: Kami berhasrat untuk **memperluaskan jangkauan pasaran**, khususnya di kawasan pinggir bandar dan bandar sekunder yang sedang berkembang. Kami juga akan **memperkuh inovasi produk** dengan mengimbangi barang kemas gaya hidup dan produk emas berfokus pelaburan. Akhir sekali, dalam beberapa bulan akan datang, Poh Kong akan **mempercepatkan usaha dalam peruncitan digital dan berasaskan pengalaman** bagi memastikan kami sentiasa mendahului jangkaan pelanggan yang semakin berkembang.

Kerendahan hati dan cita-cita akan kekal sebagai unsur yang memandu segala usaha kami di masa akan datang. Kerendahan hati, kerana kejayaan kami bergantung kepada kepercayaan pelanggan, dedikasi pekerja dan sokongan pemegang saham. Cita-cita, kerana kami percaya bahawa kisah Poh Kong masih belum selesai — dan bab seterusnya akan ditakrifkan oleh pertumbuhan yang lebih besar.

Sebagaimana emas yang bertahan merentas generasi, begitulah juga komitmen kami terhadap pertumbuhan yang mampan, inklusif dan berwawasan. Pada tahun 2025 dan seterusnya, Poh Kong akan terus beralih **daripada emas kepada tunas** — mencipta pulangan yang berkekalan untuk pemegang saham, kerjaya bermakna untuk warga kerja dan pengalaman luar biasa untuk pelanggan kami.

PENGHARGAAN

DENGAN PENUH RASA SYUKUR DAN RENDAH DIRI, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH YANG TULUS IKHLAS KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM, RAKAN STRATEGIK, PEMBIAYA DAN PEMBEKAL. ANDA SEMUA TELAH BEKERJASAMA DENGAN KAMI DALAM MENCAPAI HASIL YANG BAIK. KEPADA RAKAN-RAKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH, SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN ANDA YANG KOMITED DAN IKHLAS.

Walaupun berdepan cabaran, anda semua bekerja secara sehaluan demi kejayaan syarikat. Nasihat dan kebijaksanaan anda telah membantu kami melakar prestasi yang lebih baik. Saya juga amat menghargai pasukan Pengurusan dan setiap seorang warga kerja kami. Terima kasih kerana sentiasa memberikan yang terbaik setiap hari dan mencorakkan landskap peruncitan Malaysia dengan impak yang berkekalan.

Kepada Kerajaan Malaysia, saya merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kerana mewujudkan persekitaran politik, sosial dan kawal selia yang kukuh dan stabil yang memberikan kami keyakinan untuk terus membuka lembaran baharu yang menjanjikan, di mana kita mengubah Emas kepada Tunas.

Dato' Choon Yee Seiong
Pengerusi Eksekutif dan Pengarah
Urusan Kumpulan

21 November 2025